



Sumbangan diserahkan kepada mangsa banjir.

Serdang: Warga Universiti Putra Malaysia (UPM) tidak ketinggalan melaksanakan Misi Kemanusiaan

Bantuan Banjir di Pantai Timur.

Misi yang dijayakan sukarelawan, pegawai kadet

Misi bantuan banjir

Pasukan Latihan Pegawai Simpanan Laut dan pelajar Kursus Kokurikulum Berkredit itu dijalankan di daerah Kemaman, Terengganu serta Sungai Isap, Bukit Rengin dan Pekan, Pahang.

Selain membantu membersihkan kawasan dilanda banjir, peserta turut menyampaikan sumbangan keperluan harian termasuk makanan, pakaian, ubat-ubatan dan dapur gas.

Kesan trauma Sukarelawan UPM juga

sempat merakam dan berkongsi kesan trauma mangsa banjir dan kerosakan fizikal di kawasan terbabit.

Program dua hari itu anjuran Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM.

Pelancaran misi disempurnakan Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar UPM, Prof Madya Dr Abdul Rasid Jamian. Yang turut hadir, Ketua Pentadbiran Hal Ehwal Pelajar UPM, Hashim Md Shari.



Sukarelawan UPM membantu membersihkan kawasan dilanda banjir.